

20/02/2001

Perdana Menteri lawat Sarawak

KUCHING, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Sarawak, mulai Jumaat ini.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) kira-kira jam 9.30 pagi.

Kira-kira 12,000 penduduk dijangka berada di lapangan terbang itu bagi menyambut Perdana Menteri, isteri serta rombongan.

Perdana Menteri kemudian akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri di Hotel Hilton Kuching.

Selepas menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Jamek Negeri, Dr Mahathir akan melakukan upacara pembukaan rasmi Loji Fabrikasi 1st Silicon, di Zon Perindustrian Muara Tabuan, di sini.

Pada sebelah malam pula, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan malam bersama pemimpin BN negeri dan ketua-ketua kaum di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri, di Petra Jaya.

Keesokannya, Dr Mahathir akan menghadiri majlis perjumpaan dan sesi dialog dengan kakitangan kerajaan negeri dan Persekutuan, di Hotel Crowne Plaza Riverside.

(END)